

UJIAN PENILAIAN 1 TAHUN 2023
TINGKATAN 5

PERATURAN PEMARKAHAN
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

PERATURAN PEMARKAHAN
PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1

Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)	(i)	Tiga ciri mukmin berjaya selain menjaga kehormatan diri - Beriman kepada Allah SWT - Khusyuk di dalam solat - Menjauhkan perbuatan dan perkataan yang sia-sia -Mengeluarkan zakat - Menjaga kehormatan diri	(2 isi x 1m=2m)
		(ii)	Dua sebab Islam menyuruh umatnya menjaga kehormatan diri. -Menghindarkan diri daripada perkara yang keji -Islam dipandang tinggi -Maruah umat Islam terpelihara -Mendapat keredaan Allah SWT -Dipandang mulia oleh masyarakat (Mana-mana jawapan munasabah diterima)	Ayat lengkap (2 isi x 1m=2m)
		(iii)	Dua kesan mengamalkan salah laku seksual -Mengugat keharmonian hidup masyarakat. -Mencetuskan pelbagai perbuatan jenayah. -Menyebabkan keruntuhan institusi kekeluargaan. -Menyebabkan gangguan emosi dan mental. -Mendapat kemurkaan Allah SWT -Dipandang hina oleh masyarakat (Mana-mana jawapan lain berkaitan dengan ayat diterima)	(2 isi x 2m=4m) Isi=1m Huraian=1m
		(iii)	Dua pengajaran ayat -Kita hendaklah meningkatkan keimanan kepada Allah SWT/dengan melaksanakan perintah Allah SWT. -Kita hendaklah menunaikan solat dengan khusyuk/agar menjadi hamba yang bertakwa -Kita hendaklah menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan yang sia-sia/agar disayangi Allah SWT -Kita hendaklah menjaga kehormatan diri/agar disayangi masyarakat. -Kita hendaklah menjauhi diri daripada mengamalkan salah laku seksual/agar jiwa tenang.	(2 isi x 2m=4m) Isi=1m Huraian=1m

	(b)	(i)	Dua tanggungjawab sebagai seorang anak -Berbakti kepada ibu bapa sewaktu hidup atau telah meninggal dunia. -Sentiasa mendoakan mereka. -Sentiasa membantu mereka. -Sentiasa berbuat baik dengan mereka dan menyambung silaturahim dengan rakan-rakan mereka. (Mana-mana jawapan lain berkaitan dengan ayat diterima)	(2 isi x 1m=2m)
		(ii)	Dua balasan Allah SWT terhadap anak yang derhaka -Dimasukkan ke dalam api neraka -Mendapat azab seksaan di akhirat -Dimurkai oleh Allah SWT -Rezeki menjadi sempit -Tidak bahagia hidup di dunia dan di akhirat -Jiwa tidak tenang	Ayat lengkap (2 isi x 1m=2m)
		(iii)	Pengajaran hadis -Kita hendaklah menyedari setiap individu adalah pemimpin yang akan dipertanggung jawabkan di akhirat kelak. -Kita hendaklah bertanggung jawab terhadap orang yang dipimpin dengan adil dan amanah. -Kita hendaklah melindungi anggota keluarga agar selamat di dunia dan di akhirat. -Kita hendaklah mentaati ibu bapa/ selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak (Mana-mana jawapan lain berkaitan dengan hadis diterima)	(2 isi x 2m=4m) Isi=1m Huraian=1m
2	(a)	(i)	Maksud nama Allah SWT ar-Raqib -Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi/ semua perbuatan dan keadaan makhluk.	2m
		(ii)	Dua bukti -Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan laranganNya. -Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.	Ayat lengkap (2 isi x 2m= 4m)

	(b)		Rubrik penskoran:KBAT Cadangan isi(Cara beriman dengan nama Allah SWT ar-Raqib) -Sentiasa berwaspada melakukan sesuatu kerana Allah SWT Maha mengawasi -Sentiasa melakukan perintah Allah SWT dan meninggalkan laranganNya.	4m
	(c)	(i)	Maksud as-Syahid - Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadaNya.	2m
		(ii)	Dua bukti -Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya. -Allah SWT Maha Menyaksi dan menghitung segala amal perbuatan manusia.	Ayat lengkap (2 isi x 2m= 4m)
		(iii)	Dua kesan beriman -Sentiasa berwaspada melakukan sesuatu kerana Allah SWT Maha mengawasi -Sentiasa melakukan perintah Allah SWT dan meninggalkan laranganNya. (Mana-mana jawapan munasabah diterima)	(2 isi x 2m=4m) Isi=1m Huraian=1m
3	(a)	(i)	Maksud tawaduk -Ialah sikap kerendahan hati /kepada Allah SWT/ dan sesama manusia.	2m
		(ii)	Dua hikmah bersifat tawaduk -Membentuk insan yang bertakwa kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah. -Dikasihi masyarakat kerana tidak bersikap sombong. (Mana-mana jawapan munasabah diterima)	Ayat lengkap (2 isi x2m=4m)
	(b)		Rubrik penskoran:KBAT Cadangan isi(cara bersifat tawaduk) -Tidak sombong kerana mempunyai akal yang cerdas -Mengajar rakan yang tidak pandai -Tidak menunjuk-nunjuk kehebatan diri	4m